



GARIS PANDUAN PEMINDAHAN KREDIT SECARA MENDATAR

- Untuk kegunaan pelajar UKM yang sedang mengikuti pengajian peringkat Ijazah Sarjanamuda sahaja
1. "Pemindahan kredit secara mendatar" bererti kursus yang dipindahkan bagi kursus setara;
 - a) antara 2 program yang berlainan di dalam UKM atau;
 - b) salah satu daripada program adalah program diluar UKM;
 - c) apabila pelajar bertukar program/fakulti yang lain di UKM kecuali pelajar berstatus Gagal Berhenti (PGB);
 - d) apabila pelajar mengikuti pertukaran pelajar (program mobiliti) diluar negara.
 2. Kursus yang diluluskan akan diberikan gred mengikut gred asal (rujuk syarat pemindahan secara mendatar dibawah) atau setara dengannya. Gred ini dikira dalam Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) dan ia diambil kira sebagai sebahagian dari jumlah kredit bagi tujuan pengijazahan;
 3. Syarat pemindahan kredit secara mendatar adalah:
 - a) Hasil pembelajaran dan kandungan kursus yang setara dalam kedua-dua program mestilah mempunyai persamaan tidak kurang dari 80%;
 - b) Gred tidak kurang dari C atau penyetaraan berdasarkan kedudukan pencapaian pelajar dalam kursus yang diambil atau markah mutlak;
 - c) Tempoh sah laku kredit yang dipindahkan ialah 5 tahun;
 - d) Program tersebut mendapat akreditasi oleh MQA, badan profesional berautoriti / agensi Jaminan Kualiti di negara berkenaan dan telah diluluskan oleh Senat universiti tersebut;
 - e) Tiada had pindah kredit ditetapkan tetapi pelajar adalah tertakluk kepada tempoh bermastautin minimum setahun @ 2 semester tidak termasuk semester intersesi di UKM.
 4. Permohonan untuk pemindahan kredit secara mendatar (Borang UKM/PPPS/B/P03/AK07/1 (Semakan 7)) yang boleh diperolehi melalui capaian di SMPweb pelajar. Borang ini perlu dikemukakan kepada **fakulti dan pusat** yang menawarkan kursus berkenaan untuk diluluskan pemindahan mengikut program yang diikuti.
 5. Pelajar perlu melampirkan borang ini bersama transkrip atau keputusan peperiksaan berkenaan dan mengikuti langkah-langkah berikut:
 - a) Resit bayaran wang proses sebanyak RM100.00 atas nama Bendahari UKM (pelajar yang bertukar fakulti/program dalam Universiti, dan pelajar UKM yang mengikuti pertukaran pelajar (**program mobiliti**) diluar negara, **dikecualikan bayaran wang proses**);
 - b) Telah disahkan untuk semakan;
 - c) Perlu dihantar ke fakulti/pusat terbabit selewat-lewatnya 2 minggu selepas keputusan diterima. **Kelewatan pelajar mengemukakan keputusan akan memberi kesan kepada proses pengijazahan pelajar;**
 6. Fakulti/Pusat berhak menetapkan atau mengenakan syarat-syarat tertentu untuk pelajar, jika perlu dalam bentuk temu duga atau peperiksaan khas. Kelulusan permohonan pemindahan kredit mendatar akan disahkan di dalam mesyuarat fakulti.
 7. Keputusan permohonan akan dimaklumkan terus kepada pelajar oleh Fakulti/Pusat yang meluluskan dan disalinkan kepada Pusat Pengurusan Akademik sebelum Mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa diadakan pada semester berkenaan. Permohonan selepas tempoh tersebut, gred akan dimasukkan dalam keputusan peperiksaan semester berikutnya.